

21/08/1997

Serah kedudukan bekas MB kepada PM

KLANG, Rabu - Ahli Umno, terutama di bahagian Hulu Selangor perlu bersabar dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti berhubung kedudukan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Naib Presiden, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali dan Ketua Umno bahagian Hulu Selangor.

Ketua Pemuda Umno Selangor, Soohaimi Abdul Rahman, berkata tindakan menghantar memorandum yang meminta beliau meletakkan tiga jawatan itu sebelum dibicarakan di mahkamah kerana dua tuduhan mengikut Akta Laporan Urus Niaga Kewangan Australia, adalah tidak wajar.

"Mereka perlu bersabar dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti membuat keputusan kerana pucuk pimpinan parti mengikut perkembangan Muhammad," katanya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Beliau berkata, mereka perlu menunggu sehingga kes itu selesai dan keputusan yang akan dibuat oleh pucuk pimpinan.

"Apa saja keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan, kita perlu terima dengan hati terbuka," katanya.

Muhammad, 51, pada 14 April lalu, meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar dan Ketua Perhubungan Umno Selangor atas pendirian untuk menjaga imej dan maruah Umno.

Tindakan itu diambil selepas beliau ditahan kerana cuba membawa keluar mata wang asing secara tunai A\$1.2 juta (RM2.4 juta) dari Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane, pada 22 Disember lalu.

Semalam, ketika dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Brisbane, Australia, Muhammad mengaku tidak bersalah dan diperintah dibicarakan atas dua tuduhan mengikut Akta Laporan Urus Niaga Kewangan Australia.

Soohaimi berkata, beliau tidak menafikan sebagai Naib Presiden Umno, kedudukan Muhammad itu akan dikaitkan dengan Umno Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, Umno Malaysia iaitu Majlis Tertinggi (MT) Umno lebih prihatin soal ini dan sebagai ahli, mereka (ahli Umno bahagian Hulu Selangor) mesti mempunyai keyakinan kepada pucuk pimpinan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas memorandum ahli Umno Hulu Selangor yang dihantar kepada Muhammad, antara lain meminta beliau meletakkan jawatan sebagai Naib Presiden, Ketua Umno bahagian Hulu Selangor dan Adun Batang Kali sebelum berlepas ke Brisbane, Australia untuk menghadapi pembicaraan.

Memorandum bertarikh 12 Ogos itu turut dihantar kepada beberapa akhbar utama di Kuala Lumpur, yang mengatakan tindakan itu perlu demi imej Umno yang mewakili kepentingan berjuta-juta orang Melayu.

Memorandum berserta 210 nama dan tanda tangan ahli Umno bahagian Hulu Selangor itu meminta Muhammad berkorban.

(END)